

R B375 MAHATHIR

MAHATHIR - NUKLEAR
(1) 1984

WELLINGTON, 15 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN TERUS MEMBANTAH
PENGUNAAN TENAGA NUKLEAR UNTUK SEBARANG TUJUAN KECUALI KEAMANAN,
KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA ATAS SEBAB ITULAH MALAYSIA MENENTANG UJIAN
NUKLEAR, PEMBUANGAN NUKLEAR DAN PENEMPATAN TETAP SENJATA NUKLEARDI
MANA-MANA DUNIA.

PERDANA MENTERI MENJAWAB SOALAN PARA WARTAWAN NEW ZEALAND DALAM
SATU SIDANG AKHBAR BERSAMA RAKAN SEJAWATNYA DI SINI, ENCIK D A V I D
LANGE, SELEPAS RUNDINGAN ANTARA MEREKA BERDUA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA DIMINTA MENGULAS KEPUTUSAN KERAJAAN
NEW ZEALAND TIDAK MEMBENARKAN KAPAL NUKLEAR AMERIKA SYARIFAT BERLABUH
DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA PERKARA ITU MERUPAKAN URUSAN DALAM NEW ZEALAND
TETAPI DALAM HUBUNGAN PENDIRIAN MALAYSIA, + KAMI MEMBENARKAN
KAPAL-KAPAL NUKLEAR MELALUI SELAT MELAKA. + - - LAGI

1549MST 15 08 84

0671

R B377 MAHATHIR

MAHATHIR - NUKLEAR 2 WELLINGTON

+ JIKA PUN KAMI MEMUTUSKAN SEBALIKNYA, TIDAK ADA APA-APA YANG
DAPAT KAMI BUAT. BAGAIMANAKAH HENDAK MENYEKAT SEBUAH KAPAL SELAM
BERKUASA NUKLEAR, MISALNYA, SEDANGKAN KAMI TIDAK TAHU DI MANA IA
BERADA? + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA MALAYSIA BELUM LAGI
MENERIMA SEBARANG PERMINTAAN UNTUK KAPAL-KAPAL NUKLEAR BERLABUH DI
PELABUHAN-PELABUHANNYA.

+ SEKIRANYA ADA PERMINTAAN, KAMI AKAN MENELITINYA SEBELUM
MEMBUAT KEPUTUSAN, + TAMBAHNYA.

MENGENAI HASIL RUNDINGANNYA DENGAN ENCIK LANGE, BELIAU BERKATA
BELIAU TELAH MENEGASKAN KEPADA PERDANA MENTERI NEW ZEALAND TENTANG
KEBAIKAN PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI ANTARTIKA DAN PENDAPAT ASEAN
MENGENA KAMPUCHEA.

KATANYA BELIAU MENDAPATI TIDAK BANYAK PERBEZAAN ANTARA PENDIRIAN
ASEAN DAN NEW ZEALAND MENGENAI KAMPUCHEA, KHUSUSNYA TENTANG PERLU NYA
DIADAKAN PENYELESAIAN POLITIK KEPADA KONFLIK TERSEBUT. -- LAGI

1532MET 15 08 84

D679

R B381 BAH EMA SIN

MAHATHIR - NUKLEAR 3 WELLINGTON
BAGAIMANAPUN, BELIAU MEMAHAMI BAHAWA PENDIRIAN N E W ZEALAND
TERPENGARUH OLEH KEBIMBANGAN TERHADAP APA YANG DILIHATNYA SEBAGAI
KEMUNCULAN PERANAN YANG KIAN MELUAS OLEH PIHAK POL POT DALAM
KERAJAAN CAMPURAN TIGA PARTI DEMOKRATIK KAMPUCHEA YANG DISOKONG
ASEAN.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBALIKNYA ASEAN MENGANGGAP PERANAN POL
POT SEBAGAI SEMAKIN BERKURANGAN.

ENCIK LANGE BERKATA ADALAH MENJADI HARAPANNYA STRATEGI ASEAN
UNTUK MEWUJUDKAN SEMULA KERAJAAN BERPERLEMBAGAAN DI KAMPUCHEA AKAN
BERJAYA.

MENGENAI ANTARTIKA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH
MENJELASKAN KEPADA ENCIK LANGE TENTANG PERLUNYA NEGARA-NEGARA LAIN
DIBENARKAN BERTAPAK DI BENUA ITU SELAIN MEREKA YANG MENANDATANGANI
PERJANJIAN ANTARTIK, TANPA MENGIRASAMA ADA MEREKA BERUPAYA
MENGADAKAN STESEN. PENYELIDIKAN DI SANA.

ENCIK LANGE MEMBERI JAM&NAN BAHAWA NEGARA-NEGARA YANG
MENANDATANGANI PERJANJIAN TERSEBUT TIDAK BERNIAT MENGANGGAP
ANTARTIKA SEBAGAI KEPUNYAAN MEREKA SEMATA-MATA ATAU MENUKAR
PERJANJIAN ITU MENJADI KELAB KHAS UNTUK NEGARA-NEGARA MAJU.

+ MAKLUMAT MENGENAI BENUA ITU AKAN DIKONGSI DENGAN LAIN-LAIN
NEGARA YANG BERMINAT WALAUPUN MEREKA BUKAN ANGGOTA ● PERJ&NJIAN ITU, +
TERANGNYA

BELIAU JUGA BERJANJI AKAN MENEBUSKAN DIALOG DENGAN MALAYSIA
MENGENAI KEDUA-DUA ISU TERSEBUT. -- BERNAMA